

SPRM fail lucut wang Ismail Sabri

UTUSAN MALAYSIA 08 JUL 2025

m/s: 9

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) telah memfailkan permohonan untuk melucutkan lebih RM169 juta wang tunai milik bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob di Mahkamah Sesyen di sini semalam.

Selain dalam mata wang Ringgit Malaysia berjumlah lebih RM14 juta, wang-wang tunai tersebut turut membatik jutaan dolar dalam mata wang asing.

SPRM menamakan bekas Setiausaha Politiknya, Datuk Mohammad Anuar Mohd. Yunus dan Ismail Sabri masing-masing sebagai responden pertama dan kedua.

Menurut notis yang difailkan, permohonan tersebut dibuat mengikut Seksyen 41(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 selepas SPRM berpuas hati bahawa wang-wang yang disimpan oleh Mohammad Anuar adalah milik Ismail Sabri dan berkait dengan suatu kesalahan di bawah Seksyen 36(2) ASPRM 2009.

Wang-wang tunai yang dimohon untuk dilucutkan hak ialah

RM14,772,150; SGD\$6,132,350 (Dolar Singapura); AS\$1,461,400 (Dolar Amerika) dan CHF 3 juta (Swiss Franc).

Turut dimohon untuk dilucutkan hak ialah wang tunai berjumlah €12,164,150 (Dolar Euro); ¥363,000,000 (Yen), £50,250 (Pound Sterling); NZ\$44,600 (Dolar New Zealand) AED 34,750,000 (Emirati Dirham) dan AU\$352,850 (Dolar Australia).

SPRM turut memohon perintah-perintah lain yang difikirkan sesuai oleh mahkamah.

Pada 26 Jun lalu, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki dalam satu sidang akhbar memaklumkan pihaknya akan memfailkan permohonan untuk melucutkan hak wang tunai RM170 juta dan 16 kilogram jongkong emas yang didakwa ada kaitan dengan Ismail Sabri.

Pada 3 Mac lalu, Azam dilaporkan berkata, Ismail Sabri ialah suspek bagi siasatan kes rasuah dan pengubahan wang haram susulan penemuan wang tunai kira-kira RM170 juta dalam sebuah 'safe house'.